

UCAPAN
DATO' KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
SEMPENA
MAJLIS
PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
DI ANTARA
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA
DAN
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Bismillahirahmanirahim

Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh

Y. Bhg. Dato' Sri Zoal Azha Bin Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Y. Bhg Tan Sri Hj Abu Kassim Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Y. Bhg Datuk Dr. Abdul Rahim Bin Haji Nik
Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Y. Bhg. Dato' Hj Zakaria Hj Jaafar
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

**Y. Bhg. Dato' Hjh Sutinah Binti Sutan
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Ketua Ketua Jabatan dan Setia Usaha Bahagian NRE

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar

Pengarah Pengarah JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri

**Dato'-Dato', Datin Paduka, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
yang saya hormati sekalian**

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama di Majlis yang amat bermakna kepada pagi ini. Syukur kepada Allah, kerana pada hari ini, Jabatan Alam Sekitar akan mencatatkan satu lembaran baru ke arah meningkatkan tahap integriti pegawai-pegawai JAS.

Saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Sri Zonal Azha Bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dan Y. Bhg. Tan Sri Hj Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana sudi hadir di tengah tengah kesibukan tugas rasmi yang lain.Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalu alukan kehadiran semua pegawai pegawai kanan Kementerian

Sumber Asli dan Alam Sekitar, SPRM dan JAS serta semua dif dif kehormat yang dapat bersama pada pagi yang bermakna ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Sekretariat Majlis Pemeteraian MoU yang terdiri daripada pegawai daripada Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar (NRE), JAS dan SPRM kerana telah bertungkus lumus dalam menjayakan dan memastikan Majlis pada hari ini berjalan dengan lancar.

Para Hadirin yang saya hormati,

Jabatan Alam Sekitar merupakan sebuah agensi yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dalam hubungan ini, sebagai sebuah agensi penguatkuasa, Jabatan ini tidak terlepas daripada tohmahan dan persepsi negatif masyarakat berkenaan dengan amalan rasuah dalam menguatkuasakan akta tersebut.

Mulai 2 Januari 2012, Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi 2012 telah mula berkuatkuasa dengan beberapa pindaan yang memberikan kuasa-kuasa tambahan kepada pegawai-pegawai JAS. Selaras dengan pindaan ini, bagi mencapai matlamat kerajaan untuk mewujudkan budaya kerja yang tegas, adil, cekap dan berintegriti tinggi di kalangan penjawat awam, JAS dan SPRM telah mengadakan beberapa siri rundingan yang bertujuan untuk membentuk kerjasama erat di antara kedua-dua agensi dalam membentras jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan serta memperbaiki persepsi masyarakat terhadap integriti yang melibatkan warga JAS.

Selaras dengan pindaan ini juga, bagi memantapkan dan memperkasakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, Jabatan telah mengeluarkan 5 siri Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP), 7 Standard Operating Prosedure (SOP) dan 1 Garis Panduan Kanun Prosedur Jenayah untuk kegunaan pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan. Usaha ini adalah untuk menyeragamkan pelaksanaan tindakan-tindakan penguatkuasaan di kesemua JAS Negeri. Supaya penguatkuasaan di bawah bidangkuasa JAS di semua negeri adalah konsisten dan *transparent*. Secara tidak langsung, dengan adanya arahan-arahan seperti ini, ianya dapat menutup ruang dan peluang berlakunya tohmahan dan amalan rasuah.

Di samping itu juga, Jabatan turut mengadakan beberapa siri Mesyuarat Penyelarasan di peringkat Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat bersama Pejabat JAS Negeri selain mengadakan Persidangan Pegawai-Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pendakwa yang bertujuan penambahbaikan berterusan dan mengemaskini arahan-arahan penguatkuasaan ini supaya ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna, berkesan dan profesional.

Yang Dihormati Para Hadirin Sekalian,

Scenario penguatkuasaan pada masa kini semakin mencabar dengan pelbagai masalah pencemaran alam sekitar yang lebih kompleks. Malahan dengan perkembangan teknologi maklumat hari ini, kes-kes pencemaran alam sekitar senantiasa dan mudah dipantau oleh orang awam. Secara tidak langsung, sebarang penyalahgunaan kuasa dalam mengendalian kes-kes pencemaran alam sekitar mudah diketahui umum

dan memerlukan pembenterasan awal bagi menjaga imej perkhidmatan awam.

Bagi menutup ruang dan peluang penyalahgunaan kuasa ini, antara inisiatif yang diambil oleh Jabatan adalah mengadakan operasi penguatkuasaan bersama dengan agensi-agensi berkaitan secara bersepada termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh agensi-agensi ini amat penting kerana ianya bukan sahaja dapat menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah malahan dapat menyelesaikan kes-kes aduan pencemaran alam sekitar terutamanya yang di luar bidangkuasa Jabatan dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, dalam usaha ke arah membudayakan profesionalisme ke atas pegawai penguatkuasa Jabatan, Kumpulan Audit Penguatkuasaan Dalaman diwujudkan bagi memantau aktiviti-aktiviti penguatkuasaan khususnya di Pejabat JAS Negeri. Selain meneliti kaedah dan cara kerja pegawai penguatkuasa Jabatan, skop audit ini juga merangkumi sejauh mana pemakaian peraturan dan dokumen penguatkuasaan dilaksanakan secara betul, tegas, adil, cekap dan profesional. Hasil pengauditan akan diambilkira bagi tujuan penambahbaikan ke arah mengemaskini prosedur-prosedur penguatkuasaan yang lebih mantap bagi menutup ruang dan peluang ke arah amalan rasuah.

Yang Dihormati Para Hadirin Sekalian,

Sebagai sebuah agensi yang melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk mencegah dan

mengawal pencemaran serta sentiasa memantau kualiti alam sekitar dan menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bagi tahun 2012, sebanyak 11,364 siasatan penguatkuasaan telah dijalankan. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,979 Notis Arahan, 3,173 Tawaran Kompaun, 315 Kes Mahkamah, 3 Kes Gantung Lesen dan 4 Kes Perintah Larangan telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas punca-punca industri yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Di samping itu juga, sebanyak 3,394 Tawaran Kompaun dan 94 Kes Mahkamah telah dikenakan ke atas pemilik kenderaan-kenderaan bermotor di atas pelbagai kesalahan melibatkan pelepasan asap berlebihan dan bunyi bising.

Yang Dihormati Para Hadirin sekalian,

Dalam merangka dan memastikan aktiviti penguatkuasaan pada masa akan datang berada pada tahap nilai integriti yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai penguatkuasa JAS, Jabatan telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan SPRM bagi membenteryas jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan serta memperbaiki persepsi masyarakat terhadap integriti yang melibatkan warga JAS.

Bagi mengukuhkan kerjasama yang sedia terjalin, satu Memorandum Persefahaman yang akan ditandatangani sebentar lagi antara JAS dan SPRM yang akan menfokuskan kepada tujuh terma rujukan antara lain merangkumi kerjasama berterusan dari aspek pengesanan dan

pembenterasan jenayah rasuah, penyaluran maklumat mengenai perlakuan jenayah rasuah, khidmat rundingan; perkongsian bestari dalam usaha mengukuhkan amalan nilai murni dan integriti dalam pelaksanaan tugas sebagai benteng bagi mencegah sebarang bentuk jenayah rasuah; latihan dalam pencegahan jenayah rasuah, dan penempatan pegawai antara kedua-dua pihak bagi tujuan khidmat kepakaran, perkongsian ilmu dan juga kemahiran berdasarkan keperluan kedua-dua pihak.

Saya sangat berharap pemeteraian MoU ini tidak akan berhenti sekadar MOU sahaja. Saya percaya satu Jawatankuasa Tindakan Susulan MOU bagi kedua-dua pihak akan dibentuk selepas ini bagi memperincikan "road maps" dan pelan tindakan seterusnya.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Majlis Menandatangani MOU pada pagi ini. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya juga berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha meningkatkan integriti dan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam memberikan manfaat kepada semua pihak. Semoga kerjasama yang terjalin anatar JAS dan SPRM ini akan terus diperkasakan pada masa - masa akan datang.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Y. Bhg Dato' Sri KSU, YBhg. Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM dan semua difdif kehormat yang turut hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman pada pagi ini. Kehadiran Y.Bhg Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin dan tuan/puan sekalian di Majlis ini

membuktikan sokongan padu terhadap usaha-usaha peningkatan integriti pegawai JAS dalam usaha menguatkusakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk menjadikan alam sekitar kita selamat, bersih dan sihat.

Sekian. Terima Kasih. Asalamualikum warahmatullah hiwabarakatuh.